



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MUHAMMAD DAIN OTHMAN (PAK DAIN)**

**DALANG WAYANG KULIT DAN PEMILIK GALERI WAYANG KULIT MELAYU  
TRADISIONAL KELANTAN**

**OLEH:**

MUHAMMAD AZMI BIN KAMARUDDIN	2012995409
MUHAMMAD NUR HILAL BIN RAHMAT	2012169613
MOHD FARHAN BIN MOHD RASHID	2011451268

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MUHAMMAD DAIN OTHMAN (PAK DAIN)  
DALANG WAYANG KULIT DAN PEMILIK GALERI WAYANG PAK DAIN**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD AZMI BIN KAMARUDDIN</b>	<b>2012995409</b>
<b>MUHAMMAD NUR HILAL BIN RAHMAT</b>	<b>2012169613</b>
<b>MOHD FARHAN BIN MOHD RASHID</b>	<b>2011451268</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdullilah, kami merafakkan kesyukuran kehadrat ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa serta tenaga yang dianugerahkan kepada kami, dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan lengkap.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan bicara penghargaan ini kepada tokoh pilihan kami, Encik Muhammad Dain Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Dain kerana dengan kerjasama serta tunjuk ajar daripada beliau telah membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pelbagai ilmu dan pengetahuan yang dapat dirungkai sepanjang menyiapkan tugas ini terutamanya di dalam arena wayang kulit berserta usaha beliau yang kami umpamakan ‘disigai hingga ke langit, dipanjang hingga ke pucuk’ untuk menaikkan nama wayang kulit sejajar dengan anjakan paradigma dalam era globalisasi ini walaupun dicemuh masyarat pada awalnya.

Selain itu, kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada penyarah kami, Puan Nor Kamariah Bt Chik di atas kesudian beliau memberi tugas ini kepada kami dan menjadi penyelia sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Beliau juga banyak membantu sepanjang proses pembentukan tugas ini berlaku.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudahcara untuk menyiapkan tugas ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Akhir kalam, kami sertakan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara terus atau tidak sepanjang menjayakan tugas ini. Jasa kalian akan sentiasa didalam ingatan. Terima kasih...

**ISI**

**KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Abstrak.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Pak Dain .....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Pak Dain .....	06
Bahagian 3: Pendahuluan Wayang Kulit.....	08
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya Pak Dain.....	25
Bahagian 5: Wayang Kulit Peperangan Bintang.....	37
Bahagian 6: Galeri Pak Dain .....	42
Bahagian 7: Pencapaian Dan Anugerah.....	50
Bahagian 8: Soalan Tambahan .....	51
Rujukan.....	61
Lampiran	
Log Wawancara.....	63
Gambar.....	75
Senarai soalan.....	76
Surat Perjanjian.....	80
Indeks.....	81

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Encik Muhammad Dain bin Othman atau dikenali ramai dengan panggilan Pak Dain merupakan seorang Tok Dalang dan pemilik kepada Galeri WAYANG KULIT MELAYU TRADISIONAL KELANTAN yang ditubuhkan olehnya sekitar 2008 dan masih beroperasi sehingga kini. Wawancara bersama Pak Dain ini dikendalikan oleh Muhammad Azmi bin Kamaruddin bersama dua lagi rakan seperjuangan, Muhammad Nur Hilal bin Rahmat dan Mohd Farhan bin Mohd Rashid, Pelajar Sepenuh Masa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Machang, Fakulti Pengurusan Maklumat, Pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) pada 14 April 2014 ( Isnin ). Lokasi temubual adalah di pejabat Pak Dain yang terletak di dalam galeri miliknya pada jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang. Transkrip disediakan mengikut temubual yang telah dijalankan bersama penglibatan Pak Dain yang menyentuh tentang soal latar belakang, wayang kulit, galeri serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan. Secara keseluruhan, sesi temubual ini berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama dan sokongan sepenuhnya daripada Pak Dain sendiri

**Kata kunci:** Muhammad Dain bin Othman, Pak Dain, Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan, Peperangan Bintang, Tok Dalang wayang kulit

# **BIODATA**

# **PAK DAIN**

## **BIODATA PAK DAIN**

Muhammad Dain Othman, berkelulusan BA (Hons) Antropologi UKM, 1978. Berkerja sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan. Mempunyai pengalaman dan membuat kajian serta penyelidikan dalam Wayang Kulit Melayu Kelantan Tradisional sejak tahun 1980.

Mempelajari ilmu perdalangan wayang kulit Melayu Kelantan Tradisional secara mendalam daripada tiga dalang iaitu En. Hamzah Awang Hamat (Pak Hamzah) Kampong Gerong, Tumpat Kelantan. (Seniman Negara – Anugerah Wayang Kulit), En. Hassan b. Omar (Anak arwah Tok Dalang Omar, Kampong Kedai Buloh, Kelantan) dan En. Jusoh b. Hassan (Che Wa) Kampung Morak, Tumpat, Kelantan, dalang tertua selepas arwah Tok Awang Lah, Kg.Kebakat, Tumpat, Kelantan. (Kesemua Tok Dalang tersebut telah kembali ke Rahmatullah-Al Fatihah buat mereka).

Menamat pembelajaran secara perlimau dengan arwah Che Wa tahun 1983. Bergiat cergas dalam persembahan wayang Kulit dari tahun 1983 sehingga tahun 1990. Juga menjadi Bendahari Badan seni Budaya Kelantan (BASNIDA) sehingga 1995. Sepanjang penglibatan banyak membuat persembahan dalam dan luar negeri.

Kemudian penglibatan terhenti justeru bertukar ke Kuala Lumpur kerana tugas. Kemudian kembali menaungi Kumpulan Sri Wayang Kampong Paloh 2, sejak kembali bertugas di Kelantan, akhir tahun 2004 hingga kini. Tetapi tidak melibatkan diri dalam perdalangan wayang kulit keranakekangan kerja. Menubuhkan galeri dan pasukan pelapis WKMTK bermula 2008 serentak dengan pengoperasian galeri.

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**

Wayang kulit adalah satu persembahan visual yang popular dalam kalangan masyarakat Kelantan pada suatu ketika dahulu. Ianya persembahan teater muzikal yang bersifat pendidikan secara bersemuka dan menggunakan unsur-unsur gambar yang menumpukan kepada bayang sebagai satu konsep persembahan yang dipanggil pendalangan. Menyempurnakan persembahan wayang kulit memerlukan satu tumpuan yang sangat dalam kerana seseorang dalang memerlukan kesemua lapan unsur dominan wayang kulit itu harus juga sempurna. Satu persembahan wayang kulit tidak layak dipanggil persembahan jika tidak memenuhi lapan unsur dominan berkenaan.

Berbekalkan rasa ingin membongkar rahsia dan kemegahan wayang kulit pada suatu ketika dahulu, kami telah berjumpa dan menemubual Jurai Ke-13 dan terakhir dalam hieraki Wayang Kulit Tradisional Melayu Kelantan, Muhammad Dain bin Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Dain di dalam arena wayang kulit. Temubual yang dilakukan sedikit sebanyak telah mencelik mata kami dan memberi perspektif baru dalam arena wayang kulit. Beliau juga turut berkongsi serta meluahkan sedikit sebanyak tentang hal dan isu yang terjadi di dalam arena ini.

Kami berharap dengan hasil temubual yang kami lakukan ini dapatlah dikongsi bersama dengan para pengkaji dan penyelidik lain.

# **TRANSKRIP**

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang perbualan diantara Muhammad Azmi bersama seorang tokoh wayang kulit iaitu Muhammad Dain bin Othman atau lebih mesra di panggil Pak Dain. Perbualan ini dirakam didalam pejabat Pak Dain yang terletak bersebelahan dengan galeri seni wayang kulit beliau di daerah Tumpat, Kelantan. Rakaman ini direkod selama 1jam 55 minit. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PD: Pak Dain  
MA: Muhammad Azmi

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PAK DAIN

**MA:** Assalamu'alaikum.

PD : Wa'alaikumsalam. (ketawa)

**MA:** Boleh Pak Dain cerita serba sedikit tentang maklumat latar belakang seperti nama penuh dengan tarikh lahir?

PD : Okay [baiklah], nama penuh saya Muhammad Dain bin Othman. Dilahirkan pada tahun *sembilan belas lima puluh dua* [1952], jadi sekarang ini saya berumur *dua puluh enam* [26] (sambil bergurau) tahun lah. *You baliklah* [awak terbalikkan lah].

Okay [baiklah]

**MA:** Selain Pak Dain, ada nama samaran lain?

PD : Tiada, nama saya sebenarnya Muhammad Dain bin Othman, apabila saya bergiat dalam wayang kulit maka saya lebih dikenali dalam wayang kulit ini sebagai Pak

Dain. Okay [baiklah]

**MA: Boleh cerita lahir dimana, anak ke berapa?**

PD : Saya dilahirkan di Kampung Tebakan, *which is about* [dimana lebih kurang] *tiga* [3] kilometer daripada *Kampung Morak* [di Tumpat, Kelantan] dimana tempat saya tinggal sekarang. Saya adalah merupakan anak tunggal di dalam keluarga. Okay [baiklah]

**MA: Bagaimana pula dengan latar belakang ibubapa Pak Dain?**

PD : Okay [baiklah], ayah saya Othman bin Awang Hamat seorang petani ataupun seorang yang berkerja sendirianlah, kerja kampung dan ibu saya Che Yam binti Che Ishak ialah seorang suri rumah tangga

**MA: Bila Pak Dain mendirikan rumah tangga?**

PD : Saya *ni* [ini] nakal sikit, saya berumahtangga dalam tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] pada masa umur *lapan belas* [18] tahun ke *tujuh belas* [17] saya tak ingat. Awal, terlalu awal lah saya berkahwin.

**MA: Dengan siapa?**

PD : Mestilah dengan isteri saya (ketawa). Isteri saya ialah Fatimah binti Daud.

**MA: Time [Masa] tu dia umur *lapan belas* [18] tahun?**

PD : Dia tu *lapan belas* [18] tahun dah, sama-sama bersekolah lah masa tu.

**MA: Sekarang ini isteri, Fatimah binti Daud berkerja sebagai apa?**

PD : Isteri saya sekarang ini sudah pencer. Kariernya mula-mula sekali sebagai seorang guru lepasan universiti, seorang guru ijazah dan berkhidmat di negeri Kelantan pada tahun *dua ribu-* [2000] *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998] ditukarkan ke Kementerian Pelajaran Malaysia— menjadi pegawai untuk pengurusan *Smart School* [Sekolah Bestari] yang dibawah kementerian pelajaran dibawah— apa *ni* [ini] Bahagian Teknologi Pendidikan. Kemudian daripada situ dia ditukarkan pula ke Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia. Selepas pencer pada tahun *dua ribu enam* [2006], kemudian beliau memasuki kolej swasta sebagai *vice president* [timbalan presiden] di kolej Kirkby International College— bukan di Putrajaya, Cyberjaya Kuala Lumpur dan pencer pada tahun 2011. Bukan pencer, berhenti lah, dia berhenti.

**MA:** Jadi dimana Pak Dain tinggal sekarang?

PD : Saya sekarang ini menetap di Kampung Morak lah, dimana galeri saya ini. Disinilah di Kampung Morak dan saya menumpukan apa *ni* [ini] (batuk) fokus saya ialah kepada Galeri Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan yang saya tubuhkan pada tahun *dua ribu-* [2000] sebenarnya asasnya pada tahun *dua ribu enam* [2006] *tapi* [tetapi] operasinya pada *dua ribu-* [2000] akhir *dua ribu tujuh* [2007] awal *dua ribu lapan* [2008] lah.

**MA:** Rumah Pak Dain dekat lah dengan galeri?

PD : Rumah saya bersebelahan. Sebelah sana rumah saya. (Sambil menunjukkan kearah rumahnya)

**MA:** Berapa lama menetap disini?

PD : Saya bina rumah saya tahun *sembilan belas lapan puluh* [1980] semasa saya seorang guru pada masa itu. Kemudian saya tinggal rumah saya ini lebih kurang *lima enam* [5-6] tahun apabila saya ditukarkan kepada Kementerian Pelajaran pada tahun *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999] dan kembali balik ke sini tahun *dua ribu tiga* [2003]. Begitulah.

**MA: Tinggal dirumah sama?**

PD : Tinggal disini balik pada *dua ribu tiga* [2003] hingga lah sekarang lah dan---

**MA: Boleh tahu berapa bilangan cahaya mata?**

PD : Saya *officially* [secara rasmi] *empat* [4] orang anak— sebenarnya saya *lima* [5] orang anak, *tapi* [tetapi] meninggal dunia seorang pada *dua ribu empat* [2004], anak saya lelaki meninggal dunia kerana sakit lah. Kemudian tinggal lah sekarang ini *tiga* [3] anak perempuan, *satu* [1] anak lelaki. Boleh jadi *empat* [4] lah.

**MA: Berapa umur sulung?**

PD : Anak saya yang sulung *empat puluh dua* [42 tahun].

**MA: Yang bongsu?**

PD : Yang bongsu *dua puluh empat* [24] dah [sudah].

**MA: Ada masih belajar?**

PD : Tiada, semua dah berkerja.

**MA: Boleh tahu nama mereka?**

PD : Okay [baiklah], yang sulung bernama Nasrul Asni bin Muhammad Dain, yang kedua Norsiatul Azma binti Muhammad Dain, yang ketiga Nurshirwan binti Muhammad Dain yang meninggal dunia itu dan yang keempatnya ialah Anresa Binti Muhammad Dain dan yang bongsu\_ \_ \_ Arni Syarina Binti Muhammad Dain.

**MA: Apa hobi Pak Dain pada masa lapang?**

PD : Saya sebenarnya tidak hobi yang tetap, semua permainan kampung *ni* [ini] saya main. *Tapi* [tetapi] dalam kalau aktiviti ko-kurikulum sekolah ini, saya lebih berminat pada bola sepak dan takraw. Kalau ko-kurikulum di sekolah lah

**MA: Kalau bukan *ko* [ko-kurikulum]?**

PD : \_ \_ \_ makna kalau kita lihat daripada sekolah, *tapi* [tetapi] kalau di luar *ni* [ini] semua aktiviti kampung misal katalah main sepak raga, main gasing main apa tu semua saya suka. Semua permainan tradisional saya suka.

**MA: Gasing pun?**

PD : Ya gasing pun. Saya pernah ada pasukan gasing pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] dulu. Gasing Pangkah dia panggil dan pernah bermain di apa *ni* [ini] Gelanggang Seni, Kota Bharu. Saya ada pasukan silat, pasukan gasing- dulu lah sebelum saya bertukar ke *KL* [Kuala Lumpur]. (Batuk)

**MA: Atas sebab kerja?**

PD : Ya saya ditukar tu kerana kerjalah. Pertukaran kerja, kita *government servant* [kakitangan kerajaan], bila ditukar kita pergi lah.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN PAK DAIN**

**MA:** Boleh cerita sedikit tentang sejarah pendidikan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah?

**PD :** Saya tak ingat dah tu, barangkali dalam buku tu ada barangkali (menunjukkan kearah buku yang ditulisnya). Saya— sekolah kebangsaan saya belajar di Sekolah Kebangsaan Morak. Sekolah Kebangsaan Morak dari darjah *satu* [1] hingga darjah *enam* [6], tahun saya tak ingat ye (ketawa). Kemudian saya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, masa itu aneka jurusan di Sekolah Menengah Kampung Laut— dari tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *lima* [5] lah. Kemudian semasa menunggu *result* [keputusan] *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *tu* [itu], saya mengambil *English Special Course* [Kursus Bahasa Inggris] di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Jalan Osman untuk *enam* [6] bulan masa itu. Kemudian saya melanjutkan pelajaran saya ke tingkatan *enam* [6] di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah. Kemudian saya berhenti sebab saya kahwin (ketawa), saya masuk maktab di Maktab Latihan Mohd. Khalid, Johor Bharu sebagai seorang guru. Tahun *tujuh puluh tiga* [73] saya mula berkerja sebagai seorang guru lulusan maktab. Kemudian tahun *tujuh puluh empat* [74], saya masuk universiti. Kemudian tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] saya *graduate* [menamatkan pengajian] dalam Antropologi Bandar. Tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] BA (Hons) Antropologi Bandar. Sekarang ini saya tengah buat *Phd.* [Doktor Filosofi] dengan *USM* [Universiti Sains Malaysia].

**MA:** *Phd.* [Doktor Filosofi]?

**PD :** Ya, dalam wayang kulit *USM* [Universiti Sains Malaysia].

**MA: Tadi Ijazah Antropologi Bandar, dimana?**

PD : Di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia]. Saya *graduate* [menamatkan pengajian] tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978]. – *Currently* [sekarang] saya *pursuing* [melanjutkan] *Phd.* [Doktor Filosofi] dengan *USM* [Universiti Sains Malaysia], sama ada siap atau tidak siap tidak tahu. Lebih kurang setahun lebih *dah* [sudah] lah (ketawa). Kalau saya rasa sihat, saya buat, kalau saya tidak sihat, tidak buat.

**MA: Jadi apa cita-cita sebenar Pak Dain (Ketawa) semasa kecil-kecil dahulu?**

PD : (Ketawa)– Saya sebenarnya tiada cita-cita. *I want to live as what I am, that's all* [Saya ingin hidup sebagai apa yang saya jadi, itu sahaja]. Saya tidak ada apa cita-cita, *so* [jadi] saya mengambil– saya oleh kerana saya kahwin awal, *I don't think about my future, I think about my family* [Saya tidak fikirkan tentang masa depan saya, saya fikirkan tentang keluarga saya]. So *whatever opportunity* [jadi apa-apa peluang] datang, *as long as it's give benefit to my family, I will grab it* [selagi ia mendarangkan faedah kepada keluarga saya, saya akan ambil]. Itu saja lah, sebab itu saya tidak ada–tidak membentuk *career* [kerjaya]. Kalau saya *nak* [hendak] membentuk *career* [kerjaya], mungkin saya pada tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978], saya tidak akan balik sebagai seorang guru. Mungkin saya akan berkerja di kementerian bukan\_ pada masa itu. *Tapi* [tetapi] *because thinking of family* [kerana memikirkan keluarga] masa itu. Awak boleh tengok apa dalam tu (menunjukkan kearah buku yang ditulisnya), apa yang saya cakap ini tertulis dalam buku tu. Maknanya saya tidak *manipulate* [memanipulasi] lah, cuma lebih– saya sini ada banyak huraian lah, disini (menunjukkan kearah buku yang ditulisnya) cuma *factual* [fakta] di dalam buku *tu* [itu], macam *tu* [itu]. *Tapi* [tetapi] dalam

buku *ni* [ini] saya tak buat *PhD*. [Doktor Filosofi] saya tak masuk. *PhD* [Doktor Filosofi] *ni* [ini] saya buat pada tahun 2012 apabila saya (berdehem) bertemu dengan professor— eh tidak, Doktor Haris daripada *USM* [Universiti Sains Malaysia] yang datang buat kajian. Dia *offer* [menawarkan] kepada saya untuk buat *PhD* [Doktor Filosofi] *based on* [berdasarkan] buku saya untuk ditukar kepada lebih *format educational* [bentuk pendidikan] dan sebab saya tak payah buat *Master* [Ijazah].

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENDAHULUAN WAYANG KULIT**

**MA:** **Boleh terangkan secara ringkas, apa itu wayang kulit?**

**PD :** *You nak* [awak hendak] terangkan wayang kulit, *to define* [terangkan] wayang kulit.

Wayang kulit ini satu persembahan ya, bukan satu permainan. Kalau orang kata ‘permainan wayang kulit’, salah. *It’s a* [ianya] persembahan, dia panggil *musical theatre* [teater muzikal] yang bersifat pendidikan secara bersemuka dan menggunakan *element-element* [unsur-unsur] ‘gambar’ yang fokus kepada bayang sebagai satu konsep persembahan yang dipanggil pendalangan— dan memerlukan satu *form of a presentation* *lah to be known as shadow play* [bentuk persembahan yang dikenali sebagai persembahan bayang]. Dia kalau kita kata kita ada ‘gambar’, *so never call ‘puppet’* [jadi jangan panggil ‘patung’], saya tak suka awak guna ‘*puppet*’ [patung]. Jangan guna ‘patung’ ya, guna ‘gambar’— *because from our first generation until now* [kerana dari generasi pertama hingga sekarang], tiada seorang pun *master puppeteer* [tok dalang] panggil ‘patung’. Kumpulan pengkaji-pengkaji macam *you* [awak], macam *the past* [lepas] punya *researcher* [penyelidik] (Tan Sri) Mubin

Sheppard, (Dr) Amin Sweeney because they just transferred from the Malay word to English word [sebab mereka menterjemah terus dari perkataan Melayu kepada perkataan Inggris], so [jadi] ‘gambar’ mereka panggil ‘patung’. So ‘puppet’ [jadi patung] lah dia kata ‘puppet-puppet’ [patung-patung]. So [jadi], bila *the word*-[perkataan] *orang Putih* [orang asing] guna ‘puppet’ [patung], pengkaji *macam you all* [awak semua] guna ‘patung’ – *which is not* [yang mana bukan] ‘patung’ lah. *Because* [kerana] tiada ada dalam rekod pun, *you* [awak] pergi tanyalah siapapun dalam Malaysia *ni* [ini], jangan tanya orang pengkaji ya (ketawa). Tanya orang yang aktivis ataupun pengamal wayang kulit ini, kita tak pernah panggil ‘gambar’, kita panggil – eh tak pernah panggil ‘patung’, kita panggil ‘gambar’ ataupun *direct* [terus] kita panggil ‘wayang’. Kalau istilah Kelantan, kita panggil ‘*bowok woye Sri Rama, bowok woye Hanume*’ [bawa ‘wayang’ Sri Rama, bawa ‘wayang’ Hanuman] begitu, ataupun ‘*bowok gamba*’ [bawa ‘gambar’] *tapi* [tetapi] biasanya kebanyakan orang menggunakan ‘gambar’. *Okay* [baiklah], jadi kalau *you* [awak] ada ‘gambar’, *okay* [baik]. *You* [awak] ada *clay* [kain putih], kain putih. Jadi *it’s a technique of form* [menjadi teknik bentuk], saya *nak* [hendak] cakap tentang *form* [bentuk]. *You* [awak] ada ‘gambar’ *tapi* [tetapi] tiada *form of elements* [bentuk-bentuk elemen], jadi *you* [awak] tiada *element-element* [unsur-unsur] yang membentuk *form* [bentuk] wayang kulit maka ia belum dipanggil wayang kulit. *You* [awak] ada ‘gambar’, *you* [awak] pegang ‘gambar’ *you* [awak] main. Itu tidak wayang kulit. *So to be called wayang kulit performance* [jadi untuk dipanggil persembahan wayang kulit], *you* [awak] kena ada panggung, *you* [awak] kena ada *clay* [kain putih], *you* [awak] kena ada batang pisang, *you* [awak] kena ada *musical instrument* [alat muzik], *you* [awak] kena ada *musicians* [pemain alat muzik], *you* [awak] kena ada *puppeteer* [tok dalang]. Dan *you* [awak] kena ada konsep persembahan, *you* [awak]

kena ada konsep pendalangan, lapan *element* [unsur] ini baru dia melahirkan satu format yang dinamakan persembahan wayang kulit.

**MA: Jadi wayang kulit ini dia berasal dari mana?**

PD : Kalau *you nak* [awak hendak] tanya berasal dari mana, tiada satu orang pun boleh jawab (ketawa). Sebab kalau *you* [awak] bacalah, *you* [awak] baca ke *you search* [awak cari] Internet ke, *you* [awak] mungkin *you* [awak] lebih\_ *you* [awak] sekarang *ni* [ini] lebih moden maksud saya. Kita ada dua pendapat, *you* [awak] cari lah dalam Internet kalau tak percaya saya. Satu pendapat mengatakan wayang kulit ini asal daripada India, *Okay* [baiklah]. Satu pendapat *researcher especially* [pengkaji terutamanya] penulis-penulis ataupun ahli-ahli sejarahwan Indonesia mengatakan wayang kulit ini asalnya daripada Indonesia sendiri Jawa sendiri. *Okay* [baiklah] *tapi* [tetapi] rata-ratanya seluruh pengkaji Barat mengatakan wayang kulit ini berasal daripada India. *Some of them* [segelintir mereka] mengatakan bukan, asalnya daripada apa *ni* [ini] Turki, asal begitu. *Tapi* [tetapi] untuk Asia Tenggara, pendapat mengatakan bahawa bersetujulah *tapi* [tetapi] *still* [masih] boleh dibahaskan ya *tapi* [tetapi] *sembilan puluh peratus* [90%] bersetuju bahawa wayang kulit ini asal daripada India. Dibawa oleh kaum *missionary* [pendakwah] India. *Missionary* [pendakwah] *ni* [ini] ada dua, satu pedagang dan satu penyebar agama *you* [awak] kena faham baik-baik ya (ketawa). Jadi *missionary* [pendakwah] ini di bawah *group* [kumpulan] yang mengembang agama, yang mengembangkan yang membawa wayang kulit ini. Dia datang melalui dua cara, satu melalui utara, satu melalui selatan. Yang utara ini mari ikut Kemboja, Vietnam , *Siam* [Thailand]. Yang selatan ini *direct* [terus] ke Jawa. *Okay, so* [baiklah, jadi] berbalik kepada Tanah Melayu ini, disinilah berlaku *clash* [pertembungan]. *Okay* [baiklah], setengah

orang kata wayang kulit Kelantan asalnya daripada Jawa, setengah orang kata asalnya daripada *Siam* [Thailand] *tapi* [tetapi] sebenarnya ia bukan begitu (ketawa). Dia wayang kulit Kelantan ini ialah wayang kulit Kelantan *tapi* [tetapi] *the first* [yang pertama] pencetusnya ialah gabungan. *So* [jadi], dia ada *element* [unsur] Jawa dia adalah *element* [unsur] *Siam* [Thailand]. *Combination of these two element* [gabungan dua unsur] inilah yang melahirkan satu ciri nilai-nilai wayang kulit Melayu Kelantan yang *very significance* [sangat terkesan] dengan masyarakat Kelantan sendiri. Dia kalau kita kata wayang kulit- ada orang kata wayang kulit Kelantan ini asalnya daripada *Siam* [Thailand], *which is not* [di mana ianya bukan]. Kalau kita kata asal daripada Jawa, *which is not* [di mana ianya bukan]. *Why* [kenapa]? Apa yang ada di dalam wayang kulit Kelantan, kalau dia asal daripada Jawa mesti *hundred percent* [100%] [seratus peratus] daripada Jawa. Kalau dia asal daripada *Siam* [Thailand] mesti *hundred percent* [100%] [seratus peratus] daripada *Siam* [Thailand]. Tetapi yang menjadi uniknya ia sehingga sekarang orang tidak boleh pecahkan sebab didalam wayang kulit Kelantan dia ada dua unsur, unsur Jawa dan unsur *Siam* [Thailand]. Jadi itulah keunikan wayang kulit asli. Wayang kulit Kelantan ini sebenarnya wayang kulit asli Kelantan ataupun dulu dipanggil wayang kulit Kelantan. *Tapi* [tetapi] apabila pengkaji-pengkaji Barat seperti Mubin Sheppard semua sekali menamakan ia sebagai wayang *Siam* [Thailand]. Maka ia wayang Kelantan juga, wayang kulit Kelantan juga di kenali sebagai wayang kulit *Siam* [Thailand]. Bagi kami *which is wrong* [dimana ianya salah], wayang kulit *Siam* wayang kulit *Siam* lah, wayang Kelantan wayang Kelantan lah! Saya pernah berbahas dengan Patricia Matusky, dia kata *no* [tidak] wayang kulit Kelantan asal daripada Kelantan. Alasan dia sebab ada wayang kulit yang dipersembahkan di *Yala* [negeri di Selatan Thailand] sama dengan wayang kulit di Kelantan. *Okay*

[baiklah] dia kata. Maka dia *claim* [menyatakan] wayang kulit Siam, wayang kulit Kelantan ini sebenarnya wayang kulit Siam sebab di Siam dipanggil wayang kulit Siam. Yang sama lebih kurang dengan wayang kulit Kelantan bila main. Maka saya menjawab senang sahaja, *don't you remember* [tidakkah kamu ingat], selatan Thai masa itu ialah sebahagian daripada negeri Kelantan, so [jadi], *kalau movement* [perpindahan] daripada penggiat dalang Kelantan pergi ke *Yala* [negeri di Selatan Thailand], *which is not impossible* [dimana ianya tidak mustahil] lah!. Bila (batuk), dan *you* [awak] jangan *expect* [ingat] orang Kelantan akan pergi main wayang kulit di Siam. Mungkin orang Siam itu belajar dengan orang Kelantan, bila balik kesana dia main. Maka orang sana dia *nak* [hendak] elakkan daripada nama itu bergabung dengan wayang Gedek, wayang Nang Tanglung dia itu, dipanggil itu wayang Siam. Sedangkan ia membawa pola persembahan wayang kulit Kelantan. Itu sahaja.

**MA:** Jadi kalau dekat Malaysia ini, ada berapa jenis versi?

**PD :** Wayang kulit di Kelantan *ni* [ini] ada- di Malaysia ini ada empat sahaja. Wayang Jawa, wayang Melayu, wayang Gedek, wayang kulit Kelantan yang mana dipanggil wayang Siam lah orang itu kata. *Tapi* [tetapi] panggil wayang kulit Kelantan lah ataupun wayang kulit asli Kelantan. *Okay* [baiklah], Gedek, Melayu, Jawa dah tiada *dah* [sudah] sekarang. Yang adanya wayang kulit Kelantan ataupun dipanggil wayang kulit asli Kelantan.

**MA:** Jadi bila sebut tentang wayang kulit ini, bagaimana dengan waktu persembahan? Sebab bayang memerlukan cahaya.

**PD:** Ialah, *that's why* [sebab itulah] wayang kulit *ni* [ini] dimainkan pada waktu malam. Sebab fokus dia- nama lagi wayang kulit. Wayang kulit ini asalnya daripada

perkataan bayan. Wayang kulit *ni* [ini] gambar kulit. Wayang itu bagi orang Kelantan, wayang itu gambar, yang kita lukis itu yang kita ambil, *that is* [itulah] wayang. *Okay* [baiklah], *so* [jadi] wayang kulit *its mean* [bermaksud] wayang itu, gambar itu bukan dimain secara ini (ambil menggerakkan tangan), dimain secara bayang. Maka ia memerlukan cahaya untuk orang lain melihat bayang. Sebab itu kalau zaman saya budak-budak dahulu, orang kata buat apa tengok wayang kulit belulang kering? Orang tidak tengok diatas panggung, “*mu* [awak] tengok atas panggung, *mu* [awak] tengok belulang keringlah”. Tetapi bila *you* [awak] tengok kebawah, *you enjoy the movement of the shadow* [awak menikmati pergerakan bayang]. Macamana *shadow* [bayang] itu bergerak, *combination* [gabungan], sebab itu dia tengok pada waktu malam. Kalau *you* [awak] tengok macam *you* [awak] tengok tu (ambil menunjuk kepada gambar watak wayang kulit), siang hari macam dekat belakang, macam itu sahaja lah *tapi* [tetapi] bila *you* [awak] tengok malam dengan cara cahaya, penataan watak, *you* [awak] akan nampak *something* [sesuatu] cantik lah.

**MA:** Jadi berapa selalunya orang yang diperlukan untuk menjayakan?

**PD:** Wayang kulit Kelantan ini dia ada ciri-ciri dominan dia wayang kulit asli Kelantan ini. Ciri-ciri dominan wayang kulit Kelantan ini dia ada satu bersifat fizikal, yang bersifat fizikal seperti yang saya kata *lapan* [8] *element* [unsur] tadi lah. Dia kena ada panggung .Kemudian, dia ada muzik dia yang tersendiri. Kemudian dia ada cerita, dia kena ada konsep pendalangan dia, dia ada apa tu persembahan dia empat ini. Ini ciri-ciri dominan wayang kulit ini tidak boleh lari ya, kalau *you* [awak] tidak ada ciri-ciri dominan itu maka itu bukan dipanggil wayang kulit Kelantan lah. *Okay* [baiklah]. Jadi bila saya *nak* [hendak] cakap, bila *you* [awak] tanya berapa orang

yang *nak* [hendak] menjayakan itu, maka ia termasuk di dalam muzik la. *So* [jadi], muzik ini dia selari ya. Kalau *you* [awak] tengok peralatan yang digunakan di bawah muzik lah, peralatan yang diguna peralatan itu mesti dimainkan oleh setiap orang satu alatan. *Okay* [baiklah], maka dalam wayang kulit Kelantan dia kata pemuzik ini mesti- dia kata panjak *tujuh* [7] pengantin *lima* [5] ya. Dia punya konsep dia panggil panjak *tujuh* [7] pengantin *lima* [5] ini maknanya seorang tok dalang, *okay* [baiklah] *dua* [2] orang pengantin, jadi berapa? *Tiga* [3]. Jadi berapa lagi? *Sembilan* [9]. Dia *dua belas* [12] semua. Tok dalang, pengantin *dua* [2] lebih lagi *sembilan* [9] orang pemuzik. Jadi dia kena ada *dua belas* [12] orang. Itu yang paling *efficient* [lancar], yang itu yang menjadi *significance* [kesan] dalam panjak wayang kulit. Pemuzik wayang kulit mesti *dua belas* [12]. *Tapi* [tetapi], kita boleh juga bermain paling minimum ialah *sembilan* [9] orang. Itu minimum kalau kita tiada pemuzik, kita boleh duduk *sembilan* [9] orang dengan syarat sesetengah alat muzik kita gilir (ketawa) begitu. *Tapi* [tetapi] kalau *nak perfect* [hendak sempurna] mesti *dua belas* [12], *dua belas* [12] tu maknanya *sebelas* [11] lah.

**MA:** Selalu tempoh persembahan?

**PD:** Biasanya daripada *bertabuh* [lagu pembukaan wayang kulit] sehingga tamat lebih kurang *dua jam setengah* [2 ½ jam]

**MA:** Untuk berapa cerita?

**PD:** Bukan untuk berapa cerita tetapi untuk *satu* [1] episod. Dia tidak akan habis *satu* [1] cerita sebab ini (sambil menunjukkan buku karangan beliau), *Hikayat Maharaja Wana* ini adalah- ini bukan cerita penuh, ini sinopsis ya. Ringkasan ya ringkasan. Ini adalah cerita pokok dalam wayang kulit asli ataupun wayang kulit Melayu

tradisional Kelantan. *Okay [baiklah], di dalam cerita pokok ini dia ada lima puluh empat* [54] episod. Setiap episod itu dia ada– *satu* [1] episod mungkin ada *tujuh* [7] ataupun *lapan* [8] adegan apa *ni* [ini] adegan-adegan dalam itu. Jadi *satu* [1] episod itu, *at least we need three night* [sekurang-kurangnya memerlukan tiga malam]. Sebab itu untuk menghabiskan keseluruhan cerita ini ialah *tiga* [3] bulan setengah. Itu sahaja. Jadi kita main tu bukan kata *satu* [1] cerita, *satu* [1] episod lah. Kita boleh *shortcutkan* [pendekkan], *tapi* [tetapi] orang panggil tak sempurna lah. Boleh *nak* [hendak] main habis *satu* [1] cerita *tapi* [tetapi] kalau *nak* [hendak] main habiskan cerita Maharaja Wana ini, *which is impossible* [dimana mustahil] sebab dia ada *details* [butiran] sejarah kelahiran, bagaimana lahir, pengembaraan ini tak boleh lah.

**MA:** Boleh tahu berapa alat muzik yang digunakan untuk menjayakan satu persembahan?

**PD:** (ambil menunjukkan pada nota yang ditulis oleh saya) Alatan muzik wayang kulit ini sebab itu saya kata di bawah muzik itu, di bawah muzik itu *satu* [1] panjak, dia masuk dibawah. Lepas itu alatan muzik. Di bawah muzik saya letak tadi ciri-ciri dominan yang ini. Di bawah alatan muzik ini dia pecah pula. Dia ada panjak, dia ada alat muzik. Alat muzik *ni* [ini] satu sepasang gendang, sepasang gedonbak, sepasang serunai, sepasang tetawak ataupun gong, sepasang canang, sebuah kesi (memimik bunyi alat muzik kesi). Dalam buku saya itu ada, awak tengok di bawah muzik (ambil menunjuk kearah buku karangan nya). (ketawa)

**MA:** Jadi kebiasaannya, siapa penonton wayang kulit?

**PD:** Dia kalau sebelum tahun *sembilan belas tujuh pulahan* [1970-an], seluruh

masyarakat itu akan melihat wayang kulit, daripada budak hingga orang tua lah. Sekarang ini sahaja golongan pertengahan umur, golongan macam *you all* [kamu semua] memang hanya untuk peperiksaan sahaja lah. *You don't bluff me, you come here is for your assignment, it's not for the apa fan, for the interest of shadow play* [awak tidak dapat membohongi saya, awak datang hanya kerana tugas, tidak kerana peminat, tidak kerana berminat wayang kulit] (ketawa). Senang sahaja, dia sekarang ini menjadi orang Malaysia *you* [awak] kena *be truth* [kena jujur], jangan *try to play hide and seek* [cuba menyembunyi]. *You* [awak] tidak akan datang untuk tengok wayang kulit kerana *simply* [sengaja] *nak* [hendak] datang tak? *So, you show no interest* [jadi awak tidak menunjukkan minat]. *Tapi* [tetapi] *because of job, because you are asked to do assignment whatsoever, you come* [disebabkan tugas, kerana diminta membuat tugas dan sebagainya, awak datang] Itu sahaja.

**MA:** Wayang kulit ini, apa dia punya daya tarikan sebenarnya?

**PD:** Dia begini, kalau *you nak* [awak hendak] tanya yang itu untuk sekarang ini apa yang sebenarnya daya tarikan itu sudah tidak ada lah. Sekarang ini, wayang kulit ini boleh menjadi tarikan abad yang ke *dua puluh satu* [21] ini, ataupun sebelum masuk abad ke *dua puluh satu* [21], *satu* [1] daya tarikan sahaja yang boleh menarik iaitu lawak jenaka. Main lawak jenaka masa konsep persembahan asal wayang kulit sudah berubah lah, dulu saya *nak* [hendak] cerita dulu tahun *lapan puluhan* [80-an] kebawah, ada beberapa golongan orang yang penonton yang datang melihat wayang kulit kerana dia punya minat. Minat setengahnya minat kepada cerita. Setengahnya minat kepada muzik, dia *nak* [hendak] dengar muzik sebab dalam wayang kulit ini ada *tiga puluh dua* [32] muzik lagu. *Okay* [baiklah], sebab lagu itu ada nyanyianya ada nyanyi. Macammana nyanyi berbelas, macammana nyanyi mengulit,

macammana nyanyi bersiram. So [jadi], cerita, *nak* [hendak] dengar muzik, kemudian *nak* [hendak] tengok ‘gambar’. Sri Rama ‘oh cantik’, dia *admire* [kagum] Dia tengok gambar. Yang *keempat* [ke-4] dia *nak* [hendak] tengok pergerakan watak *especially* [terutamanya] pada waktu perang. *How* [bagaimana] tok dalang main berperang, watak itu berperang. ‘Oh hidup realistik’ dia kata. Kemudian yang keempatnya [ke-4] dia pergi itu ialah kerana dia *appreciate the art* [menghargai seni]. So [jadi], inilah empat golongan manusia yang mencakupi semua seluruh masyarakat pada masa itu. Sebab itu ramai orang datang. *Element* [unsur] *nakal* [lawak] pun ada tetapi tak banyak. Wayang kulit asli tak banyak *nakal* [lawak], dia *nakal* [lawak] bertempat, lucu bertempat. Bukan macam wayang kulit moden, bukan macam wayang kulit wayang Gedek Sri Ansun di Kedah tu kalau *you* [awak] pergi dekat Kedah. Dia lucu *all the time* [setiap masa]. Jadi kalau kita *nak* [hendak] tengok sejarah orang suka– apa yang orang suka tentang wayang kulit, maka ia jauh kebelakang lah. Sebab bila *you* [awak] tengok wayang kulit *even* [walau] watak pun *you* [awak] tak kenal. Tahun *lapan belas*– [18] *sembilan belas lapan puluhan* [1980-an] kebawah, bukan keatas ya, kalau di daerah Kebakat ini, daerah Tumpat ini kalau dia bawa keluar *satu* [1] ‘gambar’, misal lah kata dia main wayang kulit dia bawa keluar ‘gambar’ ini (sambil menunjukkan kearah gambar Rawana), seluruh orang akan kenal “ini Rawana kan?”. *Tapi* [tetapi] kalau dia buat mata sebijik, dia orang kata. Masa saya belajar wayang kulit, saya masa itu saya tidak ada ‘gambar’, ‘gambar’ saya tidak ada. Saya beli orang Kota Bharu. Bila saya bawa keluar *Wak Long* [salah satu watak wayang kulit] saya pada masa belajar. *The word audiences* [Kata-kata penonton] kata ‘ini Wak Long ke apa?’ So [jadi] masyarakat boleh menilai ini bukan, ini bukan. So, *you* [jadi awak] *nak* [hendak] nampak kemahiran kemahiran penonton itu, *skill* [kemahiran] sama ada dari segi muzik, dari

segi gambar, dari segi *performance* [persembahan], dari segi dialog, semua dia orang tahu. Sebab itu dulu, *you* [awak] main tak tentu hala, selipar jepun naik atas panggung. Dulu. *You* [awak] tanya lah orang orang tua lah kalau *you* [awak] tak percaya saya (ketawa)

**MA: Jadi apa yang diceritakan dalam persembahan wayang kulit?**

PD: Dia *macamni* [macam ini], dalam wayang kulit ini dia ada segi penceritaan, ada pencerita, dia ada empat cerita. Satu namanya cerita pokok. Inilah cerita pokok (ambil menunjuk buku). Cerita pokok ini ialah Hikayat Maharaja Rawana. Selain dari cerita pokok, ada lagi sejenis cerita yang dinamakan cerita ranting. Cerita ranting ini maksudnya *you* [awak] cerita-cerita dari episod-episod itu. Misalnya dia ambil satu episod itu, disini katakan ada *lima puluh empat* [54] episod. Misalkata malam *ni* [ini] dia main cerita episod Kelahiran Rawana. Itu adalah cerita ranting lah. Kemudian yang ketiganya dinamakan cerita sisipan. Cerita sisipan ini, ialah kreativiti Tok Dalang itu. Dengar baik-baik, kreativiti Tok Dalang itu dengan mengabung gandingkan, dengan mengambil watak-watak utama dari keseluruhan cerita pokok, ambil watak-watak utama. Dimana sahaja dalam cerita pokok. Kemudian, digabungkan dengan watak-watak lain didalamnya, watak luar. Itu namanya sisipan. Dia ada sisipan mengiring dan sisipan menegak. *Tak* [tidak] perlu ajar bab sisipan. Cukup tahu sisipan sudah lah. Dan yang keempatnya, dinamakan cerita asing, cerita asing ini cerita yang betul-betul berdiri sendiri, samada dari segi watak, dari segi jalan ceritanya, tidak sentuh sedikit pun dengan cerita pokok, sisipan, dan juga ranting. Contohnya *Star Wars* [Peperangan Bintang], misalannya. Itu cerita asing, Merong Mahawangsa, itu cerita asing. Cerita Indra Bangsawan contohnya, Parameswara contohnya, itu cerita asing. Dia berdiri sendiri. *Tapi*

[tetapi] elemen dominan ini tidak berubah. (Ketawa). Yang boleh berubah, watak. Takkam *you* [awak] *nak* [hendak] ambil watak Seri Rama untuk jadi Merong Mahawangsa. *You* [awak] kena *create* [buat] watak baru. Dalam wayang kulit, ciri dominan ini boleh berubah pada dua perkara, watak dan bahasa.

**MA: Tetapi, kalau mengikut cerita sisipan, mengikut kreativiti, macam mana?**

**Adakah ia daripada idea Tok Dalang itu?**

PD: Disini lah saya *nak* [hendak] cerita ke *you* [awak], *you* [awak] *nak* [hendak] tulis ke *you* [awak] *tak* [tidak] *nak* [hendak] tulis ke terletak pada *you* [awak]. Saya cerita betul. Kebanyakan Tok Dalang yang ada hari ini mengelar dirinya Tok Dalang tetapi tidak arif, tidak berilmu tentang wayang kulit tentang konsep. Contohnya, sekarang *you* [awak] bawa cerita, *you* [awak] *tak* [tidak] percaya saya *you* [awak] tanya lah, *you* [awak] boleh tanya Tok Dalang. *Kata* [cakap], “Pakcik, selalu Tok Dalang, main cerita apa?” Dia kata, “saya main cerita Yatim Perdak la”. “Yatim Perdak ini cerita apa pak cik?” *Lepastu* [selepas itu] dia kata “cerita ranting”. Itu bukan cerita ranting, itu cerita sisipan. Sebab Yatim Perdak orang panggil sisipan mengiring. Dia buat satu cerita tentang Yatim Perdak bagaimana cara Yatim Perdak, tentang perjalanan dia dari dia lahir lah. Tetapi *tiga puluh percent* [peratus] [30%] cerita Yatim Perdak itu diambil watak Seri Rama, watak pokok cerita ini dimasukkan dalam cerita itu sebagai *supportive* [sokongan], kepada *main story* [cerita utama] Yatim Perdak itu. Maka itu bukan ranting, itu sisipan. Jadi kebanyakan Tok Dalang sekarang main cerita sisipan, tetapi kena ingat baik-baik. Dia cerita sisipan ini, dia jangan juga kita lari daripada cerita ranting. Itu tidak perlu bincang, itu terlalu dalam, bukan untuk *you* [awak] fikir. Itu saya kena bercakap ramai lagilah dengar, kena panjang, kena satu topik *nak* [hendak] cerita sisipan,

sebab dia banyak pendekatan banyak perbahasan, saya kena beri contoh berkaitan itu, tiga hari pun tidak habis lagi. *Toksah* [tidak perlu] cakap, setakat tadi contoh sisipan cukup lah.

**MA: Apa material, bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat ‘gambar’?**

PD: Nama dia wayang kulit, sebab dia dibuat dari kulit lah.

**MA: Kulit binatang?**

PD: Jangan panggil kulit binatang, dahsyat awak ini. (Ketawa). Bahan yang digunakan untuk membuat wayang kulit ini, ‘gambar’ bukan buat wayang kulit, buat ‘gambar’ wayang kulit. Istilah guna baik-baiklah. Ialah biasanya daripada dua jenis, sejarah awal tidak perlu lah ya, sekarang ini *je* [sahaja]. Daripada dua bahan, satu kulit kambing, dan yang kedua ialah kulit lembu. Kulit kambing ini biasanya kita gunakan untuk watak-watak kecil. Dan kulit lembu ini kita gunakan untuk watak-watak besar. Dan pada tahun *dua ribu dua belas* [2012], saya telah memasukkan elemen baru dalam pembuatan wayang kulit menggunakan ‘PP’ [jenama plastik] dipanggil plastik macam awak tengok itu semua plastik *tu* [itu] ‘PP’ [jenama plastik] (ambil menunjuk wayang kulit ‘PP’). Hanya saya sahaja di Malaysia ini yang menggunakan ‘PP’ [jenama plastik] pada tahun *dua ribu dua belas* [2012]. Dan saya buat itu bukan kerana untuk saya *nak* [hendak] memecahkan tradisi, tidak, tetapi atas permintaan oleh pelancong-pelancong dari Australia, *North America* [Amerika Selatan], yang tidak boleh bawa balik wayang kulit dalam bentuk belulang. Sebab negera mereka *custom act* [peraturan kastam] dia, tidak boleh bawa balik belulang ini kedalam negera. Dia kata “*can you do something for me?*” [Boleh awak buat sesuatu untuk saya?] Selepas saya fikir, selepas saya bercakap dengan

kawan saya, kita *try* [cuba] plastik jenama ‘PP’ [jenama plastik]. So [Jadi] saya *try* [cuba] dan boleh. So [jadi] saya buat lah. Dan bila *diaorang* [mereka] datang, “*do you have characters not on rawhide?*” [Adakah awak ada watak yang tidak dari belulang?] Saya kata ada lah, ‘PP’ [jenama plastik]. So [Jadi], *because* [kerana] pelancong yang datang sini dia membeli, jadi membeli, kita kena memenuhi lah cita rasa dia itu-.

**MA:** Berapa satu ‘gambar’ itu dijual?

**PD:** Saya ada dua jenis , saya jual wayang kulit satu *performing size* [saiz persembahan] lebih kurang *dua* [2] kaki setengah maksima tinggi, kemudian saiz *souvenir* [cerderahati], cenderahati, lebih kurang *lapan* [8] inci ataupun *dua belas* [12] inci . Yang itu saya jual *lapan puluh ringgit* [RM80] yang M saiz, saya namakan M, *souvenir* [cenderahati] saiz ini ataupun M saiz. Saya jual *lapan puluh ringgit* [RM80]. Untuk *retail for tourist* [secara runcit kepada pelancong] lah. Tetapi untuk pemborong yang datang yang jual buka kedai itu. Itu harga lain la, tu rahsia saya lah (ketawa). Mesti lah lebih murahkan, sebab *diaorang* [mereka] *tu* [itu] *nak* [hendak] meniaga. Kemudian saiz *performing size* [saiz persembahan]. *Peforming size* [saiz persembahan] itu semurah-murahnya *dua ratus ringgit* [RM200], semahal-mahalnya *satu ribu ringgit* [RM1000] pun ada. *Tapi* [tetapi] *average* [sederhana] nya diantara *satu ratus lima puluh ringgit* [RM150] ke *lima ratus ringgit* [RM500], satu ‘gambar’. Contohnya, macam Sri Rama, Sri Rama *ni* [ini] sampai *enam ratus ringgit* [RM600] pun boleh jual, Pokok Beringin kadang-kadang *satu ribu ringgit* [RM1000] lebih pun ada orang beli.

**MA:** Bagaimana dengan proses membuat ‘gambar’?

PD: *You [awak] tengok dekat luar lah (ketawa). Kami membuat lah. Biasanya kulit belulang *tu* [itu] kami beli yang *raw* [mentah] *tu* [itu], yang masih berbulu *tu* [itu]. Ada proses yang dilakukan mencuci, membersihkan sehingga jadi belulang yang tiada bulu dan *transparent* [lutsinar]. Bila yang *transparent* [lutsinar] ini, kita akan ukur saiz watak yang kita *nak* [hendak], kita potong. Ambil gambar di sana lah nanti (sambil menunjukkan tempat pembuatan ‘gambar’ wayang kulit), (ketawa) tempat proses membuatnya. Pergi ambil gambar disitu nanti saya tunjuk dekat *you* [awak]. Dia ada *step* [cara] satu, dua, tiga, hingga ke ikat tali semua lah. Ukur ‘gambar’ je [sahaja] yang senang. *Ok* [habis] proses pembuatan.*

MA: **Apa yang menentukan corak sesuatu ‘gambar’?**

PD: *Dia wayang kulit asli Kelantan ni, dia daripada generasi yang ke *lima* [5] atau ke *enam* [6] hingga sekarang, dari segi dia punya kerangkanya tidak berubah. Saya akan *proof* [buktikan] pada *you* [awak] nanti kerangka ini tidak berubah, yang berubah dari segi *design* [corak] dalaman, dari segi bunga, ukiran, kerangka asalnya tidak berubah. Kalau ini lah bentuknya, dulu pun itu, cuma di *upgrade* [naik taraf] lah. *Tapi* [tetapi] format dia tidak berubah, bentuk dia *tidak* berubah, Cuma lukisan didalam, ukiran *design* [corak] dalam tu berubah, kemudian material tu berubah. Dulu material, bila letak di bayang hitam, putih sahaja. Sekarang sudah keluar *colour* [warna]. Sebab kualiti belulang tu, kalau *you* [awak] tengok plastik lagi terang di bayangnya.*

MA: **Berapa kos untuk membuat ‘gambar’, satu ‘gambar’?**

PD: *Dia kalau saiz main ni, dia berbeza, kalau watak-watak, seperti Sri Rama, Sutra Dewi, Rawana, watak-watak utama kos membuat dia sampai *satu ratus ringgit**

[RM100] lebih. Tengok lah, kalau plastik ke kadang-kadang *satu ratus lima puluh ringgit* [RM150] upah saya. Sebab *tu* [itu] mahal. Sebab dia ambil lebih kurang *tiga* [3] ke *empat* [4] hari untuk siapkan *satu* [1]. So [Jadi], kalau orang bekerja dapat gaji *dua puluh ringgit* [RM20] sehari. Mati dengan anak *empat* [4] ke *lima* [5] dekat rumah. Jadi bila kita *nak* [hendak] beli wayang kulit kita kata orang jual *tiga ratus ringgit* [RM300], “oh mahalnya!” Buat sendiri lah.

MA: Itu kos untuk ‘gambar’, berapa kos untuk satu persembahan?

